

06 AUG 2002

S'pura-Umno

S'PURA "SELESA" DENGAN KERAJAAN PARTI UMNO, KATA MUHYIDDIN

SINGAPURA, 6 Ogos (Bernama) -- Singapura "selesa" dengan kerajaan Malaysia sekarang di bawah pucuk kepimpinan Umno dan menyarankan supaya negara itu terus mengamalkan dasarnya yang terbuka, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Katanya, Singapura juga berpuashati dengan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia dalam membendung pengaruh dan gejala-gejala tidak sihat, khususnya yang disebarkan oleh Pas melalui dakwah-dakwah Islam yang cuba mempengaruhi pemikiran orang Melayu.

Mesej ini disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong kepada Tan Sri Muhyiddin dalam pertemuan selama 45 minit di pejabat Lee di sini, hari ini.

Turut hadir pada perbincangan tersebut ialah Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr Abdul Latiff Ahmad dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Lim Si Ching dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Datuk Hamidon Ali.

Bercakap kepada wartawan Malaysia di sini, Muhyiddin yang mengakhiri lawatan dua hari ke republik ini berkata, beliau telah memberi penjelasan mengenai langkah kerajaan untuk memperketatkan undang-undang pilihan raya bagi membendung kempen yang boleh menjejaskan keselamatan dan kestabilan politik Malaysia.

Dalam perbincangan itu, Muhyiddin menjelaskan, berikutan taktik kotor yang digunakan Pas dalam pilihan raya kecil baru-baru ini, kerajaan kini telah mengambil langkah tegas dengan membuat gerakan menyibar dakwah Islam secara teratur, dari peringkat bawah.

"Walaupun kita bimbang dengan trend dan gejala politik yang tidak sihat itu, pihak Pas juga menghadapi masalah kerana pengundi Melayu kini sedar mengenai kegagalan pentadbiran parti lawan itu.

"Sokongan rakyat adalah ketara dan Umno yakin mampu menangani masalah ini," katanya, dan menambah, Umno yakin Pas tidak dapat terus mempengaruhi orang-orang Melayu melalui penyelewengan agama," katanya.

Lee yang sebelum ini menyuarakan kebimbangan Singapura terhadap trend yang tidak sihat tersebut, khususnya kesan dari peristiwa 11 September, kini berpuashati dengan penjelasan beliau mengenai kestabilan politik Malaysia sekarang, kata Muhyiddin.

Menurut beliau, Lee juga berpuashati dengan kerajaan di bawah pucuk pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bersikap "progresif" yang telah berjaya membawa Malaysia ke mercu kecemerlangan, dan berharap "peralihan kuasa" (selepas persaraan Dr Mahathir) dapat meneruskan dasar terbuka itu.

Semasa perbincangan itu, Lee telah menjelaskan mengenai kelembapan ekonomi Singapura dan implikasi dari ekonomi dunia, khususnya keadaan ekonomi Amerika Syarikat yang tidak menentu, dan menekankan supaya kerjasama di bidang ekonomi dipertingkatkan di antara kedua-dua negara, kata Muhyiddin.

Muhyiddin menyifatkan rangka lawatan kerjanya ke Singapura sebagai "kesempatan dan peluang yang baik baginya mendalami pemikiran pentadbiran tertinggi" republik ini.

Beliau berharap masalah-masalah yang menjejaskan hubungan erat di antara kedua-dua negara dapat diselesaikan secara baik.

Lawatan itu yang menurutnya "berinformasi", adalah atas jemputan Menteri Perdagangan dan Industri Singapura, Brigadier-General George Yeo Yong-Boon, untuk memberi peluang pihak Malaysia mencontohi sistem

pengurusan yang baik seperti pentadbiran korporat, operasi pendaftaran dan fail dan sistem on-linanya.

Lawatannya itu juga bertujuan menimba pengalaman Singapura dalam pentadbiran korporat kerana kementeriannya sedang memperketatkan peraturan-peraturan di bawah Akta Syarikat seperti yang berkaitan dengan kewangan, sistem audit serta ketelusan dalam pentadbiran syarikat.

Malaysia juga, katanya, sedang dalam proses yang sama dengan Singapura dalam penguatkuasaan perlindungan harta intelek, khususnya dalam hakcipta.

Dari segi piawaian, Muhyiddin juga diberi taklimat mengenai langkah-langkah keselamatan pengguna dan piawaian yang digunakan oleh Singapura.

Terdahulu, Muhyiddin mengadakan perbincangan dengan badan piawaian Singapura, Spring Singapore, dan melawat PSB Corporation, agensi yang menjalankan ujian ke atas keselamatan produk.

Semasa dialog dengan anggota-anggota Persatuan Peruncit Singapura, Muhyiddin berkata, beliau diberi penerangan mengenai kedudukan industri peruncitan yang sedang menghadapi kesan kelembapan ekonomi akibat dari kekurangan jumlah pelancong asing ke negara ini.

Misalnya, sebelum kemelesetan ekonomi, pihak peruncit Singapura dapat meraih 80 peratus jualan dari pelancong asing dan bakinya (20 peratus) dari tempatan, tetapi jumlah tersebut telah berubah kepada 80 peratus tempatan dan 20 peratus pelancong asing.

Bagaimanapun yang menarik, kata beliau, ialah usaha pihak persatuan tersebut yang merancang untuk menubuhkan akademi untuk peruncit-peruncit dengan melatih kakitangan dan pegawainya, dan ini, tambah Muhyiddin, boleh dicontohi oleh Malaysia.

-- BERNAMA

SS ZB